

► Majlis Makan Malam Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (1/2)

(Norhayati Abdullah)

Pada 28 November 2017, MARPA telah menganjurkan Majlis Makan Malam bersama ahli-ahli MARPA bertempat di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan, Pahang. Majlis ini diadakan bagi meraikan ahli-ahli MARPA yang telah banyak memberi sumbangan dan sokongan kepada kejayaan MARPA hingga ke hari ini. Seramai lebih kurang 120 tetamu yang terdiri daripada ahli MARPA beserta keluarga masing-masing telah hadir menyeronjok majlis ini.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan daripada Prof. Dr. Amran Ab. Majid selaku Presiden MARPA. Beliau juga telah membentangkan aktiviti dan pencapaian MARPA sepanjang tahun yang lalu.

Selain menjamu selera, majlis ini telah menjadi satu platform pertemuan dan permulaan persahabatan kepada ahli-ahli MARPA sekaligus mewujudkan rangkaian sosial yang baik dalam kalangan ahli-ahlinya. Majlis turut dimeriahkan dengan sesi cabutan bertuah kepada ahli-ahli MARPA yang hadir.



► **Suasana di Majlis Makan Malam Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (2/2)**

